



**PERAKUAN AMALAN SEBAGAI
INSTITUSI LATIHAN BERDAFTAR UNTUK
MENGENDALIKAN KURSUS LATIHAN UNTUK MENJADI
PENGURUS TENAGA BERDAFTAR**

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

NO. PENDAFTARAN : IL1-2025-0001/0001
NAMA : PERTUBUHAN SYARIKAT-SYARIKAT PERKHIDMATAN
TENAGA MALAYSIA
ALAMAT : B1-1-09, PERNIAGAAN TEMASYA 8, JLN DOKTOR U1/67,
SEKSYEN U1 40150 SHAH ALAM, SELANGOR

telah memenuhi kehendak dan keperluan di bawah Seksyen 34 atau Seksyen 35 Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 untuk diluluskan pengeluaran Perakuan Amalan Institusi Latihan Berdaftar Untuk Mengendalikan Kursus Latihan Untuk Menjadi Pengurus Tenaga Berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan di bawah:

- (a) tarikh mula perakuan : 21/03/2025 ;
- (b) tarikh tamat perakuan : 20/03/2026 ;
- (c) mempunyai Perakuan Pendaftaran Sebagai Institusi Latihan Berdaftar Untuk Mengendalikan Kursus Latihan Untuk Menjadi Pengurus Tenaga Berdaftar yang sah di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024; dan
- (d) bagi tujuan Pembaharuan Perakuan Amalan, mematuhi terma dan syarat dan had jenis latihan yang dibenarkan untuk dijalankan di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024.



SURUHANJAYA TENAGA

1. TERMA DAN SYARAT SEMASA MENJADI INSTITUSI LATIHAN BERDAFTAR UNTUK MENGENDALIKAN KURSUS LATIHAN UNTUK MENJADI PENGURUS TENAGA BERDAFTAR

- (a) Menjalankan kursus latihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di dalam tempoh sah sijil perakuan amalan. Bagi kursus latihan lain yang tidak diluluskan oleh Suruhanjaya, Institusi Latihan Berdaftar tidak dibenarkan untuk mempromosi dan menjalankan latihan yang berkaitan dengan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024. Kegagalan mematuhi akan mengakibatkan pembatalan segera sijil yang dikeluarkan;
- (b) Tiada perubahan pada kursus latihan selepas diluluskan kecuali mendapat bertulis daripada Suruhanjaya sebelum menjalankan kursus latihan seperti:
- i. pertukaran tenaga pengajar;
 - ii. perubahan tempoh kursus latihan;
 - iii. perubahan agenda kursus latihan; dan
 - iv. perubahan silibus atau nota kursus latihan;
- (c) Menyediakan akses tanpa had kepada Suruhanjaya semasa sesi kursus latihan;
- (d) Menghantar laporan pasca kursus latihan selepas setiap kursus latihan dalam tempoh dua (2) bulan selepas kursus latihan selesai dijalankan;
- (e) Menyediakan akses kepada maklumat berkaitan kursus latihan yang dilakukan di bawah Akta untuk Suruhanjaya menjalankan audit pematuhan;
- (f) Mematuhi dan mengambil tindakan pembetulan terhadap dapatan semasa audit pematuhan;
- (g) Mengeluarkan sijil kehadiran dan sijil tamat latihan untuk setiap peserta dengan kod pengenalan unik;
- (h) Menyimpan rekod dan daftar kursus latihan sehingga lima (5) tahun; dan
- (i) Mematuhi terma dan syarat tambahan lain yang mungkin dimaklumkan oleh Suruhanjaya secara bertulis.

2. SENARAI KURSUS LATIHAN YANG DILULUSKAN UNTUK INSTITUSI LATIHAN BERDAFTAR MENGENDALIKAN KURSUS LATIHAN UNTUK MENJADI PENGURUS TENAGA BERDAFTAR

BIL.	KOD	TAJUK	TARIKH KELULUSAN
1	REM1/109	KURSUS LATIHAN UNTUK MENJADI PENGURUS TENAGA BERDAFTAR JENIS PERTAMA	21/03/2025
2	REM2/119	KURSUS LATIHAN UNTUK MENJADI PENGURUS TENAGA BERDAFTAR JENIS KEDUA	21/03/2025